

Kempen sehari pemilihan UMNO wujud persaingan adil, sihat

KUALA LUMPUR 10 Okt. - Cadangan Jawatankuasa Peraturan dan Pindaan Perlembagaan UMNO membenarkan calon-calon berkempen satu hari dalam pertandingan pemilihan parti itu dilihat dapat mewujudkan persaingan yang lebih sihat dan adil.

Ketua Penerangan UMNO, Tan Sri Muhammad Muhd Taib berkata, cadangan itu amat baik dalam mencorakkan sistem pemilihan UMNO yang lebih sistematik dan adil.

Katanya, cadangan tersebut turut membuka ruang kepada calon untuk mengetengahkan diri mereka kepada setiap perwakilan.

Bagaimanapun, beliau memberitahu bahawa cadangan itu ia perlu diperincikan lagi supaya tidak menimbulkan sebarang masalah sehingga menyukarkan proses pemilihan.

"Cadangan ini diharapkan akan mewujudkan pemilihan yang lebih adil memandangkan setiap perwakilan dapat menilai sendiri calon mereka melalui kempen sehari yang dijalankan.

"Apa yang penting, cadangan itu perlu diperhalusi lagi supaya tidak mendatangkan sebarang masalah terutamanya dari segi tempoh kempen ataupun kehadiran perwakilan," katanya ketika dihubungi di

sini hari ini.

Beliau mengulas kenyataan Naib Presiden UMNO, Tan Sri Muhyiddin Yassin semalam, berhubung cadangan UMNO untuk memperkenalkan peraturan tempoh sehari berkempen dalam pemilihan parti itu tahun depan.

Muhyiddin yang juga Pengerusi Jawatankuasa Peraturan dan Pindaan Perlembagaan UMNO menyatakan bahawa pihak pengurusan parti akan menetapkan hari tertentu bagi membolehkan calon yang bertanding memperkenalkan diri masing-masing kepada perwakilan.

Walaupun aktiviti kempen dalam pemi-

lian UMNO tidak dibenarkan sebelum ini, cadangan tersebut bagaimanapun dapat dilaksanakan dengan lebih terurus walaupun tempohnya agak terbatas.

Dalam pada itu, Ahli Parlimen Muar, Razali Ibrahim berkata, cadangan itu adalah satu yang amat positif kerana ia memberi peluang kepada semua calon yang bertanding, untuk memperkenalkan diri kepada setiap perwakilan.

"Kita amat alu-alukan cadangan seumpama ini dalam pemilihan UMNO kerana ia dilihat sebagai salah satu prinsip demokrasi yang menjadi amalan dalam parti ini," katanya.